

Kertas peperiksaan ini mengandungi satu Tugasan Spesifik. Anda hendaklah menjawab berdasarkan kerangka jawapan yang disediakan.

TUGASAN SPESIFIK

Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJP1), 1971-1990 menggariskan rangka sosio-ekonomi yang menyeluruh bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB). Selain daripada menentukan matlamat utama pertumbuhan ekonomi dan pengagihan, RRJP1 juga menggariskan dasar, strategi dan program bagi mencapai matlamat tersebut.

Sumber : *Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua 1991-2000 halaman 35*

Berdasarkan pernyataan di atas, anda dikehendaki menjawab soalan berikut:

Aspek	Soalan/Tugasan	Markah
Pengenalan	1. Jelaskan tentang Dasar Ekonomi Baru.	5 markah
Isi dan huraian	2. Terangkan strategi kerajaan untuk melaksanakan RRJP1 melalui Rancangan Pembangunan Lima Tahun seperti berikut: (i) Rancangan Malaysia Kedua (ii) Rancangan Malaysia Ketiga (iii) Rancangan Malaysia Keempat (iv) Rancangan Malaysia Kelima	15 markah 4 markah 15 markah 6 markah
	3. Mengapakah kerajaan fokus kepada pembangunan ekonomi untuk mencapai perpaduan dan kesejahteraan rakyat?	10 markah
	4. Buktikan pelaksanaan RRJP1 telah mencapai matlamat DEB.	10 markah
	5. Huraikan langkah berterusan kerajaan untuk memajukan ekonomi negara selepas DEB tamat pada tahun 1990.	10 markah
	6. Bincangkan cabaran untuk memajukan ekonomi negara masa kini dan langkah untuk mengatasi cabaran tersebut.	10 markah
	7. Huraikan iktibar yang anda peroleh daripada kajian anda terhadap rancangan pembangunan ekonomi negara.	10 markah
	8. Buat rumusan tentang pelaksanaan rancangan pembangunan ekonomi negara.	5 markah